

14 OCT 1999

DR MAHATHIR MERASMIKAN KL MOTORSPORTS SHOW `99

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan KL Motorsports Show `99 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Pameran sukan bermotor itu dianjurkan oleh Le Proton LIMA Sdn Bhd dan akan berlangsung sehingga 24 Okt ini.

Dr Mahathir dalam perutusan di buku cenderamata pameran itu berkata, kerajaan sentiasa menggalakkan sukan bermotor.

Beliau berkata, langkah memansuhkan cukai dan duti bagi peralatan go-kart baru-baru ini adalah antara usaha untuk memberi galakan kepada mereka yang beraspirasi menjadi pemandu kereta lumba.

"Kerajaan telah mengambil inisiatif-inisiatif berani untuk memperkenalkan Malaysia sebagai antara negara yang terbaik di dunia dalam sukan bermotor. Penganjuran perlumbaan Formula One sudah pasti akan menempah nama bagi Malaysia dalam liga sukan bermotor dunia," katanya.

Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada penganjur KL Motorsports Show kerana mengambil inisiatif untuk meningkatkan minat dalam sukan bermotor di negara ini.

Beliau berkata, walaupun jelas perlumbaan F1 adalah yang utama dalam sukan bermotor, sukan bermotor jenis lain juga penting.

Di pameran itu Dr Mahathir juga akan melancarkan Perodua E-Shoppe dan memperkenalkan wajah baru kereta Perodua Kancil.

-- BERNAMA

HS PR